

23/07/1997

Tangan ghaib dalangi spekulator

KETIDAKSTABILAN beberapa mata wang di rantau ini, baru-baru ini banyak dikaitkan dengan kegiatan spekulator di pasaran. Spekulator pula sering dikaitkan dengan golongan pengurus dana lindung nilai atau hedge fund manager yang menguasai tabungan berpuluh bilion dolar Amerika Syarikat yang memang menunggu peluang untuk mengaut keuntungan.

Pengurus dana ini memang diharapkan oleh pelanggan mereka untuk memberi pulangan yang tinggi terhadap setiap pelaburan. Berikutan itu, sebahagian besar pengurus dana ini kerap disifatkan terlalu agresif, sehingga ada pula yang menggelar mereka Attila the Hun di pasaran. Pengurus dana ini mendapatkan keuntungan dengan mengambil posisi besar di pasaran apabila ada pergerakan jangka pendek dalam kadar tukaran mata wang. `Wang panas' yang dikuasai mereka ini, boleh keluar dan masuk di pasaran dengan pantas. Berikutan sifat sementara dana itu, ia mampu menjejaskan kedudukan ekonomi sesebuah negara yang menjadi sasaran.

Dari mata kasar, kegiatan pengurus dana ini didorong oleh satu motif iaitu kegiatan komersil yang semata-mata bertujuan mengaut keuntungan seberapa banyak yang boleh jika kesempatan di pasaran terbuka kepada mereka. Kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin memberi perspektif lain kepada motif spekulator ini. Menurut Perdana Menteri kejatuhan nilai mata wang negara Asia Tenggara sekarang dipercayai berpunca daripada tekanan oleh tokoh kewangan antarabangsa yang mempunyai agenda politik.

Kenyataan sedemikian mungkin tidak digemari oleh pengurus dana lindung nilai ini yang akan berkata mereka bertindak kerana wujud ketidakseimbangan kedudukan makroekonomi di negara yang menjadi sasaran. Bagaimanapun, jika dikaji dengan mendalam, agak sukar untuk diterima mengapa spekulator itu menjadikan beberapa negara lain di Asia, terutamanya Malaysia sebagai sasaran berikutan perkembangan di Thailand. Kita agak hairan mengapa pula ringgit menjadi sasaran, walaupun dari segi makronya, ekonomi negara boleh dianggap kukuh. Jika tidak kerana agenda politik, apakah lagi yang boleh mendorong tindakan mereka ini? Mungkinkah ada `tangan ghaib' yang mendalangi kegiatan spekulator ini, semata-mata untuk melemahkan ekonomi negara Asia yang kini berkembang pesat.

Ini bukan kali pertama negara Asean khususnya Malaysia menjadi sasaran negara luar sama ada dalam bentuk percubaan menggagalkan barangan yang dieksport seperti kayu balak dan kelapa sawit. Mereka akan berlindung dengan pelbagai cara termasuk konon menjaga alam sekitar atau flora dan fauna yang akhirnya niat jahat mereka itu diketahui umum.

Serangan spekulatif terhadap mata wang kali ini dianggap penganalisis sebagai agak luar biasa iaitu bagaikan teori domino bermula dengan baht di Thailand, diikuti peso Filipina dan kini ringgit kita. Tidak terkecuali rupiah Indonesia dan dolar Singapura daripada serangan spekulator itu. Di Thailand, mereka berjaya mengambil kesempatan berikutan kerapuhan ekonominya yang terdedah kepada risiko tetapi bukan di negara kita.

Soal fundamental ekonomi bagaikan tidak berfungsi untuk membendung gejala kemunculan tiba-tiba spekulator itu. Yang lebih parah lagi, spekulator tempatan serta pemain pasaran di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) turut terikut-ikut hingga menyebabkan harga saham turut menurun kebelakangan ini, yang sekali lagi jelas menunjukkan asas sebenar ekonomi negara dipinggirkan. Namun, kebijaksanaan Bank Negara untuk campur tangan khususnya pada peringkat awal serangan bertubi-tubi spekulator terhadap

ringgit, berjaya mempertahankan mata wang kita. Begitu pun, Bank Pusat tidaklah boleh bertahan dengan campur tangan selama-lamanya dan kita yakin kenyataan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin baru-baru ini bahawa fenomena itu akan berakhir tidak lama lagi, akan menjadi kenyataan.

Kita khawatir kadar faedah melambung kesan kelemahan ringgit dan sekali gus boleh meningkatkan bil import negara meskipun sektor pengeksportan dijangka menjadi lebih kompetitif di pasaran antarabangsa. Kelemahan ringgit juga boleh memberi kesan kepada syarikat gergasi tempatan yang bergantung kepada barangan import seperti komponen kenderaan. Kita mengharapkan pertumbuhan ekonomi negara terus mapan dan kekal melebihi 8 peratus tahun ini untuk memecah satu rekod 10 tahun pencapaian mantap itu. Apakah kerana kemantapan ekonomi negara sejak sedekad lalu mendorong `tangan ghaib' di negara Barat untuk meruntuhkan ekonomi kita dan menggunakan spekulator sebagai tunggangan bagi mencapai impian jahat mereka? Mungkin inilah agenda mereka.

(END)